



# Loyal Reliance, UTM tangani isu kekangan ICT semikonduktor

Ogos 2, 2022 @ 9:12pm



Perjanjian ditandatangani oleh Pengarah Loyal Reliance, Syed Mohd Hafiz Syed Mohd (dua, kiri) dan staf akademik di Fakulti Kejuruteraan Kimia & Kejuruteraan Tenaga UTM, Profesor Dr Lau Woei Jye (dua, kanan) juga selaku ketua projek.

JOHOR BAHRU: Loyal Reliance Sdn Bhd, syarikat milik Bumiputera sepenuhnya dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menandatangani satu perjanjian dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi memperkasakan ekosistem penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam industri semikonduktor di Malaysia.

Syarikat itu dalam satu kenyataan berkata, UTM dipilih sebagai pelaksana program ini kerana institusi pengajian berkenaan telah terbukti sebagai peneraju utama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan sektor semikonduktor di Malaysia.

Tujuan program itu adalah untuk menangani, menyediakan dan meningkatkan keperluan ekosistem sektor ICT semikonduktor tempatan bagi memastikan kemajuan dapat dipacu ke tahap lebih tinggi dan setaraf dengan negara maju .

Pengarah Loyal Reliance, Syed Mohd Hafiz Syed Mohd, berkata pasaran semikonduktor global dijangka akan berkembang daripada AS\$483 bilion pada 2022 kepada AS\$893.10 bilion pada 2029, dengan kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) sebanyak 9.2 peratus sepanjang tempoh berkenaan.

"ICT juga dijangka akan menjadi sektor yang paling pesat berkembang dari segi pembuatan susulan proses digitalisasi dan automasi industri.

"Idea program ini dicetus sebagai tindakan proaktif kami kepada keperluan pasaran semasa untuk mendapatkan solusi terbaik dan kami komited untuk mencapai objektif ini. Untuk mencapai objektif ini, kami yakin UTM adalah pilihan terbaik'

Jelas beliau, berdasarkan sebuah penerbitan bertajuk 'Atradius's Industry trends: ICT 2022', ICT elektronik adalah industri yang inovatif dan dipacu oleh teknologi serta segmen semikonduktor akan berupaya memastikan keuntungan memberangsangkan untuk pengilang.

Syed Mohd Hafiz menambah, Kongres Amerika Syarikat (AS) juga telah meluluskan Akta Cip yang berjumlah AS\$52 bilion bagi meningkatkan pembuatan semikonduktor tempatan.

"Pada Februari 2020, Suruhanjaya Kesatuan Eropah (EU) turut mengumumkan pelaburan sebanyak 45 bilion euro bagi tujuan penyelidikan berkaitan cip, infrastruktur dan pembuatan sehingga 2030.

"Industri ini dijangka akan menjadi sektor yang paling pesat berkembang kerana digitalisasi, automasi industri dan peningkatan permintaan bagi semikonduktor dari segmen pertumbuhan baharu seperti kenderaan elektrik," katanya.

Beliau berkata, melalui jalinan kerjasama ini, Loyal Reliance telah menaja dana R&D untuk keseluruhan projek R&D kepada UTM.

Fasa 1 projek ini akan membabitkan pembangunan sebuah peranti pembaca pintar yang boleh diprogramkan sebagai penerima fotonik atau 'photonic sensors' yang boleh digunakan untuk tujuan aplikasi berkaitan industri minyak dan gas.

Syed Mohd Hafiz berkata, fasa itu akan memakan masa selama 18 bulan dan menjadi sebahagian daripada projek tiga fasa selama 30 bulan.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Syed Mohd Hafiz dan staf akademik di Fakulti Kejuruteraan Kimia & Kejuruteraan Tenaga UTM, Profesor Dr Lau Woei Jye selaku ketua projek.

Melalui pengalamannya dalam bidang pengubahsuaian permukaan atau 'surface modification', Dr Lau akan mengetuai satu pasukan penyelidik untuk membantu Loyal Reliance merealisasikan pembuatan peranti generasi akan datang.